



**RABU**  
**27 DISEMBER 2023**  
**14 JAMADIL AKHIR 1445H**

**“KENALI KEMULIAAN REJAB”**

**TAZKIRAH SENAT**

**Bil. 3 2023/2024**

**#innovating solutions**

*Shahrin V. Ayob*  
PHOTOGRAPHY

## 4 Golongan

1. Tidak menyadari datang dan perginya Rejab.
2. Mempertikaikan keistimewaan Rejab dan tidak menambahkan amalan padanya.
3. Menyambut kedatangan Rejab dengan penuh gembira dan mempertingkatkan amalannya.
4. Berlebihan mempercayai ada amalan ibadah khusus di bulan Rejab dan menyebarkan hadis palsu.

# Siapa Yang Paling Beruntung

- **Golongan yang ketiga.** Iaitu orang yang memahami dan mengenali Rejab serta menambahkan amalannya sebagaimana yang selayaknya tanpa melampau.
- Meraikan kedatangan Rejab, bulan ini dirasakan begitu istimewa kerana ia menandakan hampir ketibaan tetamu agung, Ramadan al-Mubarak.

# Doa Bulan Rejab

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

“Ya Allah ya Tuhanku, berkatilah kami pada bulan Rejab dan Sya’aban dan sampaikan (Hidupkan) kami ke bulan (sehingga) Ramadhan”.

(HADITH RIWAYAT BAIHAQI)



[www.tpmj.gov.my](http://www.tpmj.gov.my)



Tabung Pembangunan Masjid Amal Jariah Johor

- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ رَجَبٌ قَالَ: (اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ، وَشَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ) وهذا إسناد ضعيف،
- Doa yang selalu dibaca ketika berada di bulan Rejab.
- Ia adalah daripada sanad hadis yang dhaif.
- Namun, lafaz doa ini adalah sah dan tidak menjadi kesalahan untuk berdoa dengannya untuk mendapatkan keberkatan di bulan Haram dan mengharapkan akan dapat dipanjangkan usia ke bulan Ramadan.

## Surah Al-Taubah, ayat 36

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ  
خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ  
فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً  
كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ



***“Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Allah menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, maka janganlah menganiaya dirimu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka pun memerangi kamu semuanya dan ketahuilah, bahawa Allah beserta orang-orang yang bertakwa. (Surah Al-Taubah: 36)***

# Bulan Haram

- Kemuliaan Bulan Rejab telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam Al-Quran.
- Di mana, Bulan Rejab disenaraikan sebagai Bulan Haram: Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab.
- Tiga berurutan dan satu menyendiri adalah untuk pelaksanaan ibadah haji dan umrah. Sebelum bulan haji, diharamkan satu bulan, iaitu **Zulkaedah** untuk berhenti dari peperangan. Dan diharamkan pada bulan **Zulhijjah**, kerana mereka melaksanakan ibadah haji. Dan diharamkan satu bulan setelahnya, iaitu **Muharram**, supaya boleh pulang ke tempat mereka dengan aman.



- Allah berfirman: “***Maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan itu***” iaitu melakukan dosa di bulan haram akan digandakan hukuman, sebagaimana digandakan balasan pahala untuk yang melakukan kebaikan.
- Ini menurut pendapat Imam Syafie dan sebahagian besar ulama: “***Denda dilipatgandakan jika kesalahan dilakukan semasa bulan haram, begitu juga terhadap orang yang membunuh di tanah haram atau ketika di bulan haram***”. Ia adalah bulan yang dihormati dan dilarang pergaduhan.

# Kemuliaan Rejab

- Selain daripada menjadi bulan Haram.
- Menurut pandangan yang masyhur di kalangan ulama, Allah SWT juga telah memuliakan bulan Rejab dengan berlakunya di antara peristiwa penting dalam sirah Nabi SAW iaitu **peristiwa Israk dan Mikraj**.

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ، لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى

الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ، لِنُرِيَهُ، وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ

السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

*Malay*

Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

# Perintah Solat

- Kemuncak kepada peristiwa bersejarah ini ialah perintah solat tanpa pengantaraan Jibril. Manakala, perintah lain diberikan melalui Jibril.
- Nabi Musa AS bertanya, “Apakah yang Allah perintah untuk umat kamu”?
- Rasulullah SAW menerima nasihat dari Nabi Musa AS dan akhirnya dikurang kewajipan solat menjadi 5 waktu sehari semalam.
- Tetapi Allah SWT tetap menggandakan pahala 5 waktu menyamai 50 waktu solat.

# Puasa Sunat Rejab

- Terdapat hadis yang sahih tentang puasa sunat bulan Rejab. Hadis daripada Uthman bin Hakim Al-Ansari bahawa:

سَأَلْتُ سَعِيدَ بْنَ جُبَيْرٍ، عَنِ صَوْمِ رَجَبٍ وَنَحْنُ  
يَوْمَئِذٍ فِي رَجَبٍ فَقَالَ: سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ  
عَنْهُمَا، يَقُولُ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّى  
نَقُولَ لَا يَصُومُ

Daripada Uthman bin Hakim Al-Ansari beliau pernah bertanya kepada Said ibn Jubair tentang puasa Rejab dan kami ketika itu berada di bulan Rejab. Said menjawab: “***Aku mendengar Ibn Abbas berkata: Adalah Rasulullah SAW berpuasa Rejab sehingga kami menyangka baginda tidak berbuka (terus menerus berpuasa) dan baginda berbuka sehingga tidak nampak berpuasa***”. (Riwayat Muslim).

- Daripada Atha' sesungguhnya Urwah bin Zubair beliau bertanya Abdullah Ibn Umar: ***Adakah Rasulullah SAW berpuasa pada bulan Rejab? Beliau menjawab: Ya dan baginda SAW melebihkannya***". Ibn Umar mengatakannya sampai tiga kali.  
(Riwayat Abu Dawud)
- Dalam Riwayat lain disebutkan: ***"Berpuasalah pada bulan-bulan haram"***.  
(Riwayat Ibn Majah)

# Hadis-hadis Palsu

- Dikatakan bahawa Nabi SAW bersabda:
- Maksudnya: ***“Kelebihan bulan Rejab berbanding bulan-bulan lain adalah seperti kelebihan al-Qur’an berbanding semua jenis kalam”***.
- Hadith ini palsu dan ini juga merupakan pendapat Imam Ibn Hajar di dalam al-Tabyyin. [Lihat: Kasyf al-Khafa’, 85/2].
- **JANGAN DISEBARKAN.**



- Dikatakan bahawa Nabi SAW bersabda:
- Maksudnya: ***“Janganlah kamu lalai pada Jumaat yang pertama daripada bulan Rejab kerana sesungguhnya terdapat padanya satu malam yang dinamakan oleh malaikat sebagai al-Raghaib”***.
- Hadith ini dusta keseluruhannya menurut Ibn al-Qayyim. [Lihat: al-Manar al-Munif, 95] **JANGAN DISEBARKAN.**

- Dikatakan bahawa Nabi SAW bersabda:
- Maksudnya: “***Bahawasanya di dalam syurga ada sebuah sungai yang dipanggil Rejab, airnya lebih putih daripada susu dan lebih manis daripada madu, barangsiapa yang berpuasa sehari sahaja dari bulan Rejab nescaya Allah memberinya minum dari sungai tersebut***”.
- Hadith ini bathil menurut Imam al-Zahabi. [Lihat: Mizan al-Mu’tadil, 189/4].
- **JANGAN DISEBARKAN.**

- Dikatakan bahawa Nabi SAW bersabda:
- Maksudnya: ***“Barangsiapa yang berpuasa pada hari pertama bulan Rejab umpama berpuasa setahun, barangsiapa yang berpuasa tujuh hari ditutup baginya tujuh pintu neraka dan barangsiapa yang berpuasa pada bulan Rejab sepuluh hari diseru daripada penyeru dari langit bahawa mintalah lalu diberikan (apa yang diminta)”***.
- Hadith ini bathil dan tiada asal baginya menurut Imam al-Syaukani. [Lihat: al-Fath al-Rabbani, 3212/6] **JANGAN DISEBARKAN.**

# Cara Yang Boleh Dibuat

1. Boleh berpuasa sunat Rejab dengan cara berpuasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis.
2. Atau dengan cara berpuasa 3 hari sebulan seperti Abu Hurairah RA, iaitu pada 13, 14 dan 15 (Ayyamul Bidh).
3. Atau mengikut kaedah puasa Nabi Daud AS, iaitu secara selang sehari.
4. Tidak berpuasa genap sebulan Rejab kerana ia memberatkan dan dibimbangi tasyabbuh dengan kaum Jahiliyah yang membesarkan Rejab.

# Kesimpulan

1. Terdapat hadis yang sahih tentang amalan dan ibadah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW di bulan Rejab.
2. Oleh itu, kita adalah digalakkan untuk melaksanakan amalan seperti berpuasa sunat, solat sunat, bersedekah dan lain-lain.
3. Boleh beriktikad bahawa Rejab adalah termasuk sebagai bulan-bulan haram yang diketahui kelebihanannya berbanding bulan-bulan yang lain.

# Kesimpulan

4. Ini berdasarkan firman Allah SWT berkaitan bulan Haram surah Al-Taubah ayat 36.
5. Bulan Rejab adalah sebagai persiapan diri untuk menempuh bulan Ramadan yang akan datang.
6. Ia sebagai “*warming up*” seumpama seorang jaguh sukan yang akan memasuki pertandingan supaya mencapai martabat taqwa dan kesempurnaan Ramadan.

# Pengajaran

1. Banyak bersedekah dan berwakaf untuk mudah membayar zakat di bulan Ramadan.
2. Banyak berpuasa sunat untuk mudah berpuasa wajib di bulan Ramadan.
3. Banyak membaca Al-Qur'an supaya mudah khatam Al-Qur'an di bulan Ramadan.
4. Rajin solat jemaah di masjid supaya mudah mengimarahkan masjid di bulan Ramadan.
5. Tinggalkan maksiat di bulan Rejab kerana dosanya digandakan supaya beroleh taqwa di bulan Ramadan Al-Mubarak.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ  
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .

*“Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu”*